

Mahathir mungkin dalam kerajaan sepenggal saja lagi

dan tidak ada mana-mana piliak yang harus menanggung kerugian dalam proses pembahagian ini.

Menurut beliau, 14 kerusi yang dikosongkan oleh PAS besar kemungkinan akan dibahagikan sama rata, tetapi, "kami akan pastikan dulu bahawa calon yang diberikan kerusi itu akan beroleh kemenangan."

Tentang kawasan-kawasan di mana Barisan Nasional kalah dalam pilihanraya yang lalu, Dr. Mahathir berkata, ia tidak semestinya diberikan semula kepada parti yang telah tewas dulu.

utama dalam pemilihan calon-calon UMNO serta Barisan Nasional termasuk beberapa faktor lagi.

Dr. Mahathir bagaimanapun memberitahu bahawa sehingga ini belum ada sebarang senarai calon dibuat.

"Jika senarai itu dibuat awal, ia besar kemungkinan akan bocor dan akibatnya adalah tidak baik," tegasnya.

Beliau menambah, jika berlaku pembocoran, maka akan berlakulah kempen atau sabotaj ke atas seseorang calon itu oleh pihak-pihak tertentu yang mungkin tidak senang dengan pemilihan tersebut kerana orang yang diminatinya tidak terpilih.

Dr. Mahathir berkata, keputusan tentang pemilihan calon-calon akan dibuat serentak dan pada saat-saat terakhir supaya tidak akan ada masa bagi sesiapa pun membuat sesuatu.

peratuskah muka-muka lama yang akan dikeluarkan.

"Seelok-cloknnya kita hendak orang yang ada

populir dan kelayakan atau setiadak-tidaknya salah satu daripada dua syarat ini," jelas beliau.

Namun begitu tampaknya, mereka yang kurang populariti tetapi mempunyai kelayakan boleh juga dipilih dan sebaliknya.

"Kalau popular tapi tidak ada kelayakan langsungpun tidak boleh, dan kalau tidak popular langsung tapi ada kelayakanpun tidak boleh".

Menyentuh tentang pembahagian kerusi, Dr. Mahathir berkata, sebarang perubahan hendaklah dibuat seberapa sedikit yang boleh

USA 31 MAY 1978

COPENHAGEN 30 Mei — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau mungkin berada dalam kerajaan untuk satu lagi penggal pilihanraya sahaja.

Ditanya kenapa, beliau menjawab: "Kita tidak seharusnya mengekalkan kuasa (we shouldn't keep power). Harapan saya hanyalah untuk melihat rakyat diletakkan di atas landasan yang betul untuk menghadapi hidup mereka."

Dr. Mahathir membuat ulasan ini dalam satu temuramah khas mengenai pemilihan calon-calon bagi pilihanraya umum akan datang dan tentang masa depannya sendiri.

Menurutnya, kelayakan akademik dan populariti adalah dua kritiria

Beliau menjelaskan, mengikut amalan biasa, pucuk pimpinan parti akan meneliti seseorang calon itu dari segenap segi untuk memastikan ia dapat memperoleh kemenangan dalam pilihanraya dan bukan sekadar untuk memuaskan hati seseorang itu.

"Tapi sehingga sekarang, penelitian ini masih belum dibuat," ujarnya.

Dr. Mahathir berkata, sebilangan muka baru akan dipilih bertanding dalam pilihanraya akan datang sungguhpun beliau anggan membayangkan berapa